

Prakata

Salah satu ciri gereja Tuhan yang paling awal ialah kepenuhan Roh Allah. Ciri yang kedua, pada pendapat saya ialah ia merupakan gereja yang sentiasa belajar. (Kis 2:47). Dalam kata yang lain, orang-orang beriman yang penuh dengan Roh Allah sangat mengambil berat tentang pembelajaran Firman Tuhan. Tanpa pengetahuan yang mendalam tentang Firman-Nya gereja-gereja kita akan mati.

Saya berterima kasih kepada Penerbitan Pristine untuk Siri Jelajah Alkitab Kanak-kanak (SJAK) yang bermula pada 2006. Saya menyeru untuk menghasilkan siri ini dalam Bahasa Malaysia dan syukur kepada Tuhan kerana jilid Kisah Rasul-rasul ini merupakan buku Bahasa Malaysia kelima yang menjadi sumbangan kepada orang-orang Kristian yang berbahasa Malaysia.

Terjemahan ini serta usaha untuk mendidik generasi muda Kristian yang berbahasa Malaysia adalah sangat penting, merujuk kepada jumlah orang-orang Kristian yang berbahasa Malaysia merangkumi enan puluh peratus dari jumlah keseluruhan orang Kristian di Malaysia. Oleh itu, adalah satu keperluan segera untuk menangani isu kekurangan bahan dalam Bahasa Malaysia serta penerbitan tempatan yang mudah difahami – mudah didapati dan tersedia untuk mendidik dan memperkasakan asas iman terutamanya kepada mereka yang berada di kampung-kampung serta kawasan yang terpencil. Adalah penting untuk mendidik mentor dan memperkasakan kepimpinan generasi yang akan datang dalam masyarakat dan gereja tanpa mengira mahzab Kristian.


Disebabkan hal ini, TRAC selalu menggalakkan serta membiayai penulis yang berdedikasi terhadap pelayanan penulisan Bahasa Malaysia. Ini merupakan penerbitan Bahasa Malaysia yang kelima yang telah dibiayai oleh TRAC. Kami bersyukur kerana "Kisah Rasul-Rasul (Cerita Rasul-Rasul Jilid 1) sudah ada bagi semua jemaat yang berbahasa Malaysia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Kami berdoa supaya banyak jiwa yang disentuh, diubah dan dikuatkan supaya mereka boleh terus maju dan menjadi terang dan garam kepada dunia. Tuhan memberkati usaha kita!

Biarlah nama Tuhan dipuji!



Rev Dr T. Jeyakumar
President
Trinity Annual Conference
The Methodist Church in Malaysia



Cerita Rasul - Rasul Jilid 1 - Kisah Rasul - Rasul

Isi

- A. Pengenalan kepada Cerita Rasul-Rasul Jilid I **ms. 10**
- B. Watak Utama dalam Cerita **ms. 18**
- C. Pemandangan Yerusalem Dari Atas pada Tahun 30 M. **ms. 22**
 1. Kemunculan Jemaat Perjanjian Baru di Yerusalem **ms. 24**
 - Kisah Rasul-rasul 1 & 2 Kedatangan Roh Allah dan Persekutuan Orang-Orang Percaya
 2. Petrus dan Yohanes **ms. 32**
 - Kis 3 Petrus menyembuhkan pengemis lumpuh dan bersaksi kepada orang ramai
 - Kis 4 Petrus dan Yohanes berdiri di hadapan Majlis Agama
 3. Kehidupan Semasa Jemaat Yerusalem yang Baru **ms. 38**
 - Kis 4:32-5:42 Jemaat mengongsi hak milik mereka. Pembohongan, mukjizat, penyembuhan dan membebaskan diri dari penjara.
 4. Stefanus – Penganiayaan dan Penyelerakan Jemaat Yerusalem **ms. 45**
 - Kis 6:1-8:3 – Penganiayaan Stefanus; Pengenalan kepada Paulus
 5. Injil tersebar Ke Samaria **ms. 53**
 - Kis 8:4-40 Eksploitasi Filipus
 6. Saulus Si Penganiaya Bertemu Dengan Yesus **ms. 58**
 - Kis 9:1 – 31 Saulus mendapat penglihatan tentang Yesus dan menerima perintah untuk mengkhabarkan Injil.
 7. Penglihatan dan Mukjizat Petrus **ms. 67**
 - Kis 9:32 – 10:21 Petrus mendapat penglihatan dan melawat seorang bukan Yahudi
- D. Pemandangan Kaisarea Maritima dari Atas **ms. 74**
 8. 'Ianya Benar dan Terbukti: Injil adalah untuk Semua – termasuk orang bukan Yahudi' **ms. 76**
 - Kis 11:1-18 Petrus Perkara-perkara yang Terjadi Kepada pemimpin-pemimpin jemaat di Yerusalem.
 9. Barnabas Si Penggalak dan Jemaat di Antiokh **ms. 80**
 - Kis 11:19-26 Bermulanya Jemaat di Antiokhia
 - Kis 11:27-30 Kebutuhan di Yerusalem dan Bantuan yang Diberikan
 10. Penganiayaan di Yerusalem dan Pembebasan Petrus dari Penjara **ms. 87**
 - Kis 12 Penganiayaan di Yerusalem
 11. Epilog **ms. 93**
 12. Rujukan **ms. 96**

1. Kemunculan Jemaat Perjanjian Baru di Yerusalem

Kisah Rasul-rasul 1 & 2 Kedatangan Roh Allah dan Persekutuan Orang-Orang Percaya

Garis Masa: Sekitar 30 M.

Kis 1:1-11,26 Pengenalan kepada Kisah Rasul-Rasul

Kisah Injil berakhir apabila Yesus Kristus memberikan amanat agung kepada pengikut-pengikut-Nya sebelum pengangkatan ke surga. Para rasul harus pergi, beritakan injil dan menjadikan bangsa-bangsa sebagai murid Yesus; membaptis mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Allah. Kemudian Yesus menjanjikan Roh Allah yang akan membimbing, menguatkan serta menggalakkan mereka supaya mereka boleh melakukan tugas tersebut. Pada masa yang sama, pemimpin-pemimpin Yahudi bertekad untuk menghentikan gerakan orang 'Nazarin' atau Yesus. Oleh itu mereka sentiasa mencari peluang untuk menangkap

pengikut-Nya. Buku ini menceritakan tentang bagaimana murid-murid Yesus membawa Injil, berita baik mengenai pengampunan dosa yang kini boleh diperoleh melalui iman dalam Yesus Kristus. Mereka pergi dari Yerusalem dan ke beberapa kawasan Empayar Roma dan akhirnya ke ibu kota Roma sendiri. Mereka menghadapi tentangan dari orang Yahudi dan penyembah berhala yang menganggap injil akan menjadi ancaman kepada agama dan tradisi mereka.

Cerita ini diambil dari buku Kisah Rasul-Rasul dalam Perjanjian Baru. Ia juga memetik sebahagian kecil dari Surat Paulus dan rasul lain. Kita akan bermula dari Kisah Rasul-rasul fasal 1.

Setelah kematian dan kebangkitan Yesus, Dia menunjukkan diri kepada pengikut-pengikut-Nyadan membuktikan kepada mereka bahwa Dia sememangnya hidup. Dia mengajar mereka tentang kerajaan Tuhan.

Kemudian, selepas 40 hari, Yesus diangkat ke surga dari Gunung Zaitun. Sebelum Dia naik ke surga, Yesus mengatakan hal ini kepada pengikut-Nya: ^{Kis 1:8} "... Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi."

Setelah Dia mengatakan perkara ini, Yesus diangkat ke surga. Ketika orang ramai berpusu-pusu mahu melihat-Nya, Dia lesap disebalik awan. Tiba-tiba, mereka melihat dua orang lelaki yang berpakaian jubah putih bersinar di tengah-tengah mereka. Dua orang itu bukan dari kumpulan mereka dan mereka kelihatan berbeza. Kemudian mereka berkata: ¹¹ "Hai orang Galilea," kata kedua-dua orang itu, "mengapa kamu berdiri menengadah ke langit? Yesus, yang kamu lihat diangkat ke surga, akan kembali lagi dengan cara yang sama seperti yang kamu lihat tadi."

Murid-murid Yesus sedar mereka itu adalah malaikat lalu kembali ke Yerusalem. Kesebelas murid, Maria ibu Yesus dan orang percaya yang lain berdoa berterusan di bilik tingkat atas di mana mereka tinggal. Tidak lama kemudian,

seorang pengikut Yesus yang dekat, Matias, dipilih untuk menggantikan Yudas dan dia ditambah kepada sebelas rasul.



Malaikat muncul di tengah-tengah mereka.



Malaikat itu memberitahu mereka bahawa Yesus akan kembali.

Rasul-rasul melihat pengangkatan Yesus ke surga.






Murid-murid berdoa sambil menanti kedatangan Roh Allah.



Angin kuat terjadi.



Lidah-lidah api memasuki bilik itu dan hinggap di atas kepala murid-murid Yesus.

Kis 2 Kedatangan Roh Allah

^{Kis 2:1} Apabila hari Pentakosta tiba, semua orang yang percaya kepada Kristus berkumpul di satu tempat.

² Tiba-tiba terdengar bunyi dari langit seperti tiupan angin yang kuat. Bunyi itu memenuhi rumah tempat mereka sedang duduk.

³ Lalu mereka nampak sesuatu yang menyerupai lidah api yang menjalar dan menghinggapi setiap orang di situ. ⁴ Semua mereka dipenuhi dengan Roh Allah dan mula berkata-kata dalam bahasa asing ketika Roh memberikan mereka kebolehan itu.

Ramai orang Yahudi yang takut Tuhan yang hadir pada masa itu dan mendengar mereka berkata-kata dalam bahasa yang tidak difahami. Orang-orang Yahudi ini telah datang dari pelbagai tempat ke Yerusalem untuk merayakan hari Pentakosta. Mereka melihat dengan hairan ketika mereka melihat para rasul serta pengikut Yesus yang lain bercakap dan memuji Tuhan dalam bahasa mereka masing-masing.

^{Kis 2:12} Mereka semua hairan dan bingung, lalu bertanya sesama sendiri, "Apakah maknanya semua ini?"

¹³ Tetapi ada juga orang yang mengolok-olokkan para pengikut Kristus dan berkata, "Semua orang ini mabuk!"

^{Kis 2:14} Lalu Petrus berdiri bersama-sama sebelas orang rasul yang lain. Dengan suara lantang dia mula berkata kepada mereka, "Saudara-saudara orang Yahudi dan semua yang tinggal di Yerusalem! Dengarlah baik-baik dan benarkan saya menjelaskan hal ini.

¹⁵ Semua orang ini tidak mabuk seperti yang saudara-saudara sangka, kerana kini baru pukul sembilan pagi.

¹⁶ Tetapi hal ini sudah diberitahukan oleh Allah melalui Nabi Yoel: ¹⁷ Allah berfirman, 'Inilah yang akan berlaku pada akhir zaman, Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua orang. Anak-anak lelaki dan perempuan kamu akan memberitak hal-hal yang Aku beritahukan mereka; orang muda kamu akan melihat hal-hal yang Aku perlihatkan kepada mereka, orang tua kamu akan mendapat mimpi yang Aku berikan kepada mereka.

²¹ Pada masa itu, sesiapa yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan.'

Kemudian Petrus mula bercakap tentang Yesus dari Nazaret. Dia berkata, " Hai orang Israel, dengarkan ini. Yesus dari Nazaret telah dihantar oleh Tuhan untuk hidup diantara kita.

"Dia melakukan banyak mukjizat, keajaiban dan tanda-tanda, seperti yang kamu lihat dengan mata kamu sendiri, membuktikan bahawa Dia memang diutus Tuhan. Tetapi dengan bantuan orang jahat, kamu telah menghantar Dia untuk dibunuh Dia di kayu salib.

" Tetapi pada hari yang ketiga, Yesus yang sama bangkit dari kematian dengan kuasa Tuhan."

Kemudian Petrus mengemukakan bukti bahawa kematian dan kebangkitan Yesus telah dinubuatkan dalam Kitab



Murid-murid bercakap dalam bahasa asing.



Beberapa orang mengetawakan murid-murid kerana berfikir mereka sudah mabuk.



Petrus menerangkan kepada murid-murid apa yang telah terjadi.





Petrus memetik ayat dari kitab Perjanjian Lama.



Ramai orang yang mendengar percaya.



Mereka bertanya kepada Petrus apa yang harus dilakukan. Petrus memberitahu mereka supaya bertobat dan dibaptis dalam nama Yesus.

Perjanjian Lama. Bahawa Yesus adalah Penyelamat yang dijanjikan sejak dahulu lagi dan satu hari Dia akan menjadi Pemerintah kepada seluruh dunia.

Apabila orang ramai mendengar hal ini mereka sangat sedih kerana perbuatan mereka terhadap Yesus. Mereka berkata kepada Petrus, "Jika ia benar, kami sudah berdosa kepada Tuhan. Apa yang harus kami perbuat? Masih ada harapankah bagi kami?"

Kis:2:38 Petrus menjawab, "Hendaklah setiap orang di kalangan saudara bertobat daripada dosa, lalu dibaptis demi nama Yesus Kristus, supaya dosa saudara-saudara diampunkan lalu saudara semua akan menerima pemberian Allah, iaitu Roh Allah."

39 Allah menjanjikan hal itu untuk saudara-saudara dan keturunan saudara semua, serta untuk semua orang di tempat-tempat yang jauh -- iaitu sesiapa sahaja yang dipanggil oleh Tuhan Allah kita supaya datang kepada-Nya."

41 Banyak orang percaya kepada apa yang dikatakan oleh Petrus, lalu mereka dibaptis. Jumlah orang yang percaya kepada Kristus pada hari itu bertambah lagi dengan tiga ribu orang.

Maka bermulalah jemaat Perjanjian baru pada masa itu. Orang-orang percaya mengabdikan diri mereka kepada ajaran Para Rasul. Mereka bersekutu bersama, makan bersama dan berdoa.

Memahami Cerita

1. Roh Allah menguatkan rasul-rasul untuk melakukan tugas mereka seperti yang telah diajarkan oleh Tuhan sebelum itu. Sekarang, mereka mula bersaksi di Yerusalem dan hasilnya Jemaat Perjanjian Baru dilahirkan dan semakin bertambah banyak.
2. Roh Allah memberikan anugerah bahasa kepada rasul-rasul supaya orang yang datang dari pelbagai tempat boleh memahami percakapan mereka. Orang Yahudi yang percaya, bukan saja dari Yudea, tetapi dari seluruh tempat meletakkan iman mereka dalam Kristus dan menerima kurnia Roh Allah. Jemaat Perjanjian Baru kini bertambah banyak dan menular ke negara-negara lain, walaupun ia masih di kalangan orang Yahudi.

Soalan untuk Perbincangan

1. Dengan menggunakan perkataan anda sendiri, ringkaskan apa yang telah diperintahkan oleh Yesus kepada murid-murid-Nya sebelum Dia diangkat ke syurga.

2. Terangkan apa yang terjadi apabila Roh Allah turun ke atas murid-murid Yesus.

3. Ringkaskan mesej khotbah Petrus kepada orang ramai di tempat itu.

4. Apakah respon peribadi anda kepada mesej Petrus?

Info menarik

Pengangkatan Yesus.

Pemandangan Gunung Zaitun dari Yerusalem. Bangunan yang mempunyai menara kecil pada puncaknya merupakan Menara Pengangkatan yang menjadi peringatan tempat Yesus diangkat.



Foto oleh Penulis © PCTL

Sebelas Rasul

Kis 1:20-26 menyatakan bahwa kesebelas rasul itu berdoa bersama dan memilih Matias, salah seorang pengikut Yesus yang rapat, untuk menggantikan Yudas Iskariot si pengkhianat yang telah membunuh diri. Ini menggenapi Mazmur 109:8.

Bilik Tingkat Atas

Bilik yang terletak di tingkat atas ini dipercaya sebahagian dari rumah Maria, ibu kepada Yohanes Markus, yang kemudiannya menjadi teman misi Petrus dan Paulus. Dia juga menulis injil Markus.

Lokasi tradisi rumah bumbung di Yerusalem hari ini.




Pentakosta

Penduduk Israel purba kebanyakannya petani yang menuai tanaman bijirin pada musim bunga dan buah pada musim luruh. Penuaian bijirin biasanya dimulakan dengan barli pada waktu perayaan Roti Tidak Beragi dan berakhir penuaian gandum 50 hari kemudian.

“Rayakanlah Perayaan Menuai apabila kamu mula menuai hasil pertama gandum kamu. Rayakanlah juga Perayaan Pondok Daun pada musim luruh, apabila kamu memetik buah-buahan. Tiga kali setahun, semua orang lelaki mesti datang menyembah Aku TUHAN, Allah Israel.....” (Kel 34:22-23)

Perayaan Mingguan diraikan tepat 50 hari setelah hari Sabat yang jatuh pada waktu Perayaan Roti Tidak Beragi. Rujuk kepada Imamat 23:15-20. Pentakosta merupakan perayaan tahunan yang kedua. Semua lelaki Israel wajib untuk mempersembahkan korban kepada Tuhan di Rumah Tuhan. Ramai ahli sarjana Alkitab percaya bahawa Perayaan Hasil Pertama merupakan tarikh yang simbolik kerana hasil pertama Perjanjian Baru telah dituai dengan datangnya Roh Allah pada Pentakosta pertama setelah pengangkatan Yesus.



Tingkap kaca berwarna di Gereja St Giles di Edinburgh, Scotland. Mempamerkan kedatangan Roh Allah pada hari Pentakosta. Kristus berada di atas dan di bawah adalah murid-murid-Nya yang sedang dihinggap lidah-lidah api. Di atas murid-murid itu terdapat malaikat-malaikat yang sedang membawa 'Buah-buah Roh'. Bolehkah anda membaca setiap Buah Roh?

Dari pelbagai tempat

Kis 2:9-11 menyatakan nama-nama negara tersebut. Partia, Media dan Elam; penduduk Mesopotamia, Yudea dan Kapadokia, Pontus dan Asia, Frigia dan Pamfilia, Mesir dan beberapa bahagian Libia berdekatan (Yahudi tulen dan yang memeluk agama Yahudi); Kreta dan Arab.

Rujuk kepada peta kedudukan bagi negara di sekeliling di atas.

